

**HUBUNGAN ANTARA KETAKUTAN TERHADAP PENILAIAN NEGATIF DENGAN
KEBIMBANGAN KOMUNIKASI DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT
PENGAJIAN TINGGI (IPT)**

Nur Fatin Athirah Rosman¹

Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (Kitab), Pulau Pinang
Emel: *athirahrosman94@gmail.com*

Nor Hernamawarni Abd Majid²

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (UniSHAMS), Kedah

Abstrak

Kebimbangan komunikasi dapat menghalang kemahiran komunikasi dalam kalangan mahasiswa bagi menempuh alam pekerjaan. Kebimbangan komunikasi memberi kesan ketara kepada interpersonal komunikasi pelajar dari aspek keupayaan dan kesan kebolehpasaran. Kecekapan komunikasi pelajar secara signifikan akan mempengaruhi cara mereka membuat pilihan kerjaya kelak. Objektif kajian ini bertujuan mengenalpasti hubungan antara ketakutan terhadap penilaian negatif dengan kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar IPT. Objektif kajian kedua adalah untuk melihat tahap ketakutan terhadap penilaian negatif dan kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar IPT. Seramai 186 pelajar dipilih dari salah sebuah univerti di utara semenanjung malaysia. Kajian ini menggunakan *Instrumen Brief Fear of Negative Evaluation Scale (B-FNE)* dan *Personel Report Communication Apprehension (prca-24)*. Keputusan kajian menunjukkan pelajar IPT mempunyai tahap tinggi ketakutan terhadap penilaian negatif dan tahap sederhana kebimbangan komunikasi. Namun begitu, keputusan menunjukkan wujud hubungan ketakutan terhadap penilaian negatif dan kebimbangan komunikasi. Kesimpulannya, mahasiswa perlu diberi perhatian untuk mengatasi halangan yang timbul semasa komunikasi untuk masa depan kerjaya kelak.

Kata kunci: Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif, Kebimbangan Komunikasi, pelajar IPT.

Abstract

Communication apprehension can hinder communication skills among students in their employability. Communication apprehension can affect the interpersonal communication of students' skills and the consequence of marketability. The efficiency of student communication will significantly affect their career choices later. Therefore, this research is to investigate the level of fear of negative evaluation and communication apprehension among IPT students. In addition, this study also aims to identify the relationship between fear of negative evaluation and communication apprehension among IPT students. A total of 186 students were selected from one of the universities in the north of peninsular Malaysia. This study used the Brief Fear of Negative Evaluation Scale (B-FNE) Instrument and Personnel Report Communication Apprehension (PRCA-24). The results of the study show that IPT students have a higher level of fear of negative evaluation and a moderate level of communication apprehension. Nevertheless, the results show that there is a relationship between fear of negative evaluation and communication apprehension.

In conclusion, it is necessary to pay attention to students to overcome the obstacles that arise during communication for their future career.

Keyword: *Fear of Negative Evaluation, communication apprehension, IPT student.*

PENGENALAN

Kebimbangan komunikasi bukanlah suatu isu yang asing dalam kalangan mahasiswa memandangkan pada era Pengajaran dan Pembelajaran Alaf 21 ini, proses pembelajaran dilengkapi dengan tumpuan terhadap kemahiran insaniah (soft skills) para pelajar seterusnya menjadikan kemahiran komunikasi sebagai kayu ukur kepada perkembangan personaliti serta kognitif. Khoirul Muslimin (2013), menjelaskan bahawa kebimbangan komunikasi adalah normal dan bukanlah dianggap sebagai sesuatu yang begitu serius sekiranya seseorang individu mampu mengawal keadaan tersebut dalam dirinya serta tidak mempengaruhi komunikasinya dengan individu lain.

Kebimbangan komunikasi dalam kalangan mahasiswa akan melahirkan sesi pembelajaran yang kurang efektif apabila mereka cenderung untuk berdiam diri dan tidak terlibat dalam perbincangan atau pembentangan berkumpulan yang mana situasi ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap kesihatan mental serta kecemerlangan akademik mereka. Hal ini disokong oleh Ernesto dan Jerry (2019), menegaskan bahawa keengganan untuk berkomunikasi bagi mengelakkan kebimbangan mereka disedari umum menyebabkan mereka tidak bertanya atau memberi maklum balas di dalam kelas seterusnya mengurangkan kefahaman terhadap perkara yang dipelajari sehingga beberapa kajian lalu mendapati bahawa pelajar yang tinggi kebimbangan komunikasi memperoleh keputusan yang tidak memberangsangkan dalam akademik berbanding pelajar yang rendah kebimbangan komunikasi (Nik Hasnaa, 2010).

Oleh yang demikian, kebimbangan komunikasi yang dimanifestasi oleh perasaan gemuruh yang melampau sehingga memberi tekanan kepada individu menurut Stewart dan Tassie (2011) seolah-olah menjadi ancaman yang akhirnya memberi impak kepada banyak perkara terutamanya kesihatan mental dan fizikal seseorang. Lelit, Jay, Krimar dan Jerald (2018) mengutarakan bahawa kebimbangan komunikasi berpunca daripada faktor eksternal dan internal, maka penekanan telah diberikan kepada ketakutan terhadap penilaian negatif yang saling berkaitan dalam mewujudkan isu ini selaras dengan pengaruh kemodenan arus semasa (Yixin Chen, 2019). Hakikatnya, isu ini bukanlah hanya signifikan dalam lingkungan akademik, namun turut memberi kesan kepada pelbagai aspek kehidupan lain secara tidak langsung. Maka, kajian ini dianggap sebagai medium ke arah bantuan pengawalan kebimbangan komunikasi terhadap pelajar Institut Pengajian Tinggi serta mengenalpasti sebahagian faktor yang menjadi puncanya mengikut kesesuaian budaya masa ini.

Pernyataan Masalah

Kesukaran untuk berinteraksi ini dapat dilihat dengan ketara melalui penglibatan mahasiswa di dalam bilik kuliah, contohnya sewaktu mereka perlu melakukan pembentangan, atau apabila mereka perlu menulis jawapan ujian penilaian (Marlene Loureiro, Norberto Loureiro &

Rui Silva, 2020). Ketidakeberkesanan mereka dalam menjalankan tugas-tugas tersebut berpunca daripada masalah komunikasi lisan dan bertulis yang mempengaruhi kecekapan mereka dalam menyelesaikannya. Kajian terhadap 234 mahasiswa di Indonesia merekodkan, 36% daripada 63 pelajar menjelaskan bahawa pembentangan sewaktu kuliah adalah aktiviti yang paling membimbangkan, manakala 14% daripada 63 pelajar menyatakan bahawa perkara yang paling menimbulkan rasa cemas adalah sewaktu memberi arahan, dan 2% daripada 63 pelajar mengatakan bahawa keadaan yang paling mengakibatkan kerisauan adalah sewaktu menjalankan perbincangan kumpulan (Nurjihan Begum Amir & Witriani, 2019).

Berdasarkan satu kajian lain pula, laporan daripada 57 pelajar yang menyelesaikan soal selidik *Personel Report of Communication Apprehension* (PRCA-24) menunjukkan bahawa 26% daripada mereka dikategorikan mempunyai tahap kebimbangan komunikasi yang tinggi, 68.4 % dikategorikan pada tahap sederhana dan hanya 5.3% merekodkan tahap yang rendah. Berdasarkan skor tersebut, turut jelas terbukti bahawa isu kebimbangan komunikasi ini merupakan sebahagian daripada cabaran terbesar bagi pelajar terutamanya yang berada pada tahun satu pengajian. Antara faktor-faktor yang menjadi pencetus kepada permasalahan ini berdasarkan hasil temu bual terhadap pelajar adalah kurangnya keyakinan diri, kekhuatiran melakukan kesilapan serta tidak ingin diketawakan oleh pelajar lain. Hal ini menyebabkan mereka mengambil pendekatan untuk berdiam diri bagi mengelakkan sebarang jangkaan yang bakal memberi kesan negatif kepada mental mereka.

Pelajar yang mengalami kebimbangan komunikasi pada tahap tinggi, isu ini dapat dikesan terhasil daripada dua punca utama, iaitu ketakutan terhadap penilaian negatif rakan-rakan serta kekurangan pendedahan atau kemahiran berkenaan bahasa sasaran, iaitu bahasa yang digunakan dalam konteks komunikasi yang berkenaan. Kedua-dua keadaan ini menjadi penyebab kepada kebimbangan pelajar apabila mereka berkemungkinan mengelak mahupun menarik diri daripada komunikasi kerana kurang bersedia untuk melibatkan diri. Sebaliknya, pelajar yang rendah kebimbangan komunikasi pula dikaitkan dengan pembawakan diri dan penglibatan yang baik dalam bilik kuliah, serta pengetahuan yang kukuh mengenai bahasa yang digunakan, yang mana hal ini seterusnya membuatkan seseorang pelajar tersebut lebih berkeyakinan untuk berinteraksi dalam persekitarannya (Armawangsa, Sukmayadi & Yahya, 2020).

Objektif Kajian

1. Menenal pasti tahap kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta.
2. Menenal pasti tahap ketakutan terhadap penilaian negatif dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta.
3. Menenal pasti hubungan antara ketakutan terhadap penilaian negatif dengan kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta.

METODOLOGI

Kajian yang dijalankan ini berbentuk kajian korelasi serta menggunakan pendekatan bersifat kuantitatif. Kutipan data dibuat melalui borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji, dan

sampel bagi kajian ini melibatkan mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuala Ketil.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada 360 orang pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kuala Ketil dalam tahun pertama iaitu yang telah mendaftar pada sesi Disember 2019 memandangkan kelompok ini adalah yang paling mudah untuk diakses dalam capaian pengkaji bertepatan dengan objektif kajian. Sampel kajian pula ditentukan oleh teknik persampelan berstrata bagi menyeimbangkan pembahagian sub-populasi ke atas para pelajar berjumlah 186 orang dengan peratusan sebanyak 47 peratus lelaki dan 53 peratus perempuan melibatkan para penuntut Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang berada dalam semester kedua pengajian daripada pelbagai program atau kursus dan dipilih melalui teknik persampelan rawak mudah sebelum ditetapkan kesesuaian mereka oleh pengkaji untuk memastikan responden yang disertakan dalam kajian berusia dalam lingkungan 18 hingga 21 tahun.

Kajian Rintis Instrumen Kajian

i. Brief Fear of Negative Evaluation Scale (B-FNE)

Instrumen ini merupakan Skala Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif versi 8 item yang telah diubahsuai daripada versi asalnya dengan 12 item yang dicetuskan oleh Mark Richard Leary pada tahun 1983. Jumlah item skala ini telah dikurangkan berdasarkan kajian Rodebaugh et. al (2004), Weeks et. al (2005) dan Carleton et. al (2011) yang membuktikan bahawa 8 item yang dinyatakan secara jelas tanpa *reverse-score* atau item negatif menunjukkan kesahan dan kebolehpercayaan yang lebih baik. Instrumen yang bersifat unidimensional ini diukur melalui skala likert lima mata yang terdiri daripada 1 = Tidak Menggambarkan Saya, 2 = Agak Menggambarkan Saya, 3 = Menggambarkan Saya, 4 = Sangat Menggambarkan Saya dan 5 = Sepenuhnya Menggambarkan Saya bagi mengenal pasti tahap ketakutan terhadap penilaian individu lain terhadap diri sendiri serta sesuai untuk digunakan secara umum. Menurut Carleton et. al (2011), skor diperoleh dengan menjumlahkan keseluruhan skala jawapan dan catatan skor sebanyak 25 merupakan indikator awal kepada permasalahan kebimbangan sosial. Instrumen ini turut melalui *back-to-back translation* untuk menghasilkan kenyataan item dalam konteks Bahasa Melayu yang jelas dan nilai kebolehpercayaannya juga adalah sangat baik, iaitu 0.90 setelah melalui kajian rintis.

ii. Personal Report of Communication Apprehension (PRCA-24)

Instrumen ini digunakan secara meluas untuk mengukur tahap kebimbangan komunikasi individu secara umum melalui empat konstruk utama iaitu perbincangan kelompok (*group discussion*), mesyuarat (*meeting*), komunikasi interpersonal (*interpersonal communication/dyad*) dan pengucapan awam (*public speaking*). Instrumen yang dikembangkan oleh James McCroskey pada tahun 1982 ini mengandungi 24 item berskala likert lima mata yang terdiri daripada 1 = Sangat Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = Tidak Pasti, 4 = Setuju dan 5 = Sangat Setuju, serta melibatkan item positif dan negatif dalam jumlah yang sama sebanyak 12 item. Secara keseluruhannya, skor bagi instrumen diklasifikasikan kepada tiga tahap, iaitu 50 dan ke bawah sebagai rendah kebimbangan komunikasi, 51 hingga 80 sebagai kebimbangan komunikasi sederhana, dan 81 hingga 120 sebagai tinggi kebimbangan komunikasi.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan instrumen sedia ada yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu oleh Fuziah Kartini (1995) secara *back-to-back translation* daripada Bahasa Inggeris bagi disesuaikan dengan budaya responden yang keseluruhannya terdiri daripada bangsa Melayu. Tahap konsistensi dalaman alfa *Cronbach* yang diperoleh dalam kajian rintis yang dilaksanakan pula adalah sangat baik iaitu 0.91.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Jadual 1 : Maklumat demografi sampel kajian

Pemboleh Ubah	Deskripsi	Bilangan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	87	47
	Perempuan	99	53
	Jumlah	186	100
Umur	18 tahun	59	32
	19 tahun	56	30
	20 tahun	54	29
	21 tahun	17	9
	Jumlah	186	100
Kawasan tempat tinggal	Bandar	110	59
	Luar Bandar	76	41
	Jumlah	186	100
Tahap Pengajian	Asasi	33	18
	Diploma	69	37
	Sarjana Muda	84	45
	Jumlah	186	100

Jadual 1.0 di atas menunjukkan taburan kekerapan pelajar yang terlibat sebagai subjek kajian mengikut jantina, umur, kawasan tempat tinggal dan tahap pengajian. Keseluruhan subjek terdiri daripada 87 orang lelaki dan 99 orang perempuan yang merangkumi kategori umur 18 tahun (n=59), 19 tahun (n=56), 20 tahun (n=54) dan 21 tahun (n=17). Subjek dikelaskan mengikut kawasan tempat tinggal, iaitu bandar (n=110) dan luar bandar (n=76) serta sedang berada pada tahap pengajian yang berbeza pada semester terkini, iaitu Asasi (n=33), Diploma (n=69) dan Sarjana Muda (n=84) daripada pelbagai program.

Objektif 1: Tahap Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi

Jadual 2: Analisis Tahap Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif

Item	Dimensi	M	SP	Tahap
Keseluruhan Instrumen				
Ketakutan terhadap Penilaian Negatif	Unidimensional	3.42	0.97	Tinggi

Instrumen yang bersifat unidimensional tanpa dikategorikan kepada faktor positif dan negatif mahupun konstruk-construct tertentu ini telah dinilai tahapnya secara keseluruhan, yang mana hasilnya didapati menunjukkan bahawa kadar ketakutan pelajar Institut Pengajian Tinggi terhadap penilaian negatif adalah tinggi ($M = 3.42$; $SP = 0.97$). Hasil ini membuktikan bahawa mereka agak terganggu serta mudah mengalami kebimbangan berkenaan perspektif individu lain yang dianggap sebagai penilaian yang kurang menyenangkan.

Hasilnya, kadar ketakutan terhadap penilaian negatif yang tinggi menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, pelajar merasa sangat risau dan takut sekiranya diri mereka dihakimi, dikritik ataupun menunjukkan impresi yang kurang menyenangkan terhadap individu lain, di mana tahap ini agak membimbangkan kerana mampu memberi kesan terhadap emosi mereka (Kho & Leong, 2015). Walaupun demikian, kebanyakan kajian terdahulu memaparkan hasil berbeza yang menunjukkan ketakutan terhadap penilaian negatif berada pada tahap sederhana, antaranya kajian oleh Akkakoson (2016), yang menjelaskan bahawa kadar sedemikian terikat kepada faktor-faktor tertentu termasuk kebolehan berbahasa dan keyakinan diri di mana, bagi kebanyakan mahasiswa, mereka berada dalam proses mempertingkatkan aspek-aspek tersebut melalui penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan di dalam universiti. Maka, hal ini menyebabkan tahap ketakutan terhadap penilaian negatif mereka masih di tahap yang tidak serius serta terkawal. Nuraqilah Nadjwa dan Aminabibi (2019) turut mengutarakan dapatan serupa, iaitu ketakutan terhadap penilaian negatif pada peringkat sederhana yang menjelaskan bahawa individu tidak mengalaminya sepanjang masa, sebaliknya hanya cenderung dibayangi perasaan demikian dalam tugas mahupun situasi tertentu yang menjejaskan keyakinan diri mereka terhadap persepsi sekitar. Sungguhpun begitu, biarpun kajian yang dijalankan ini mencatatkan ketakutan terhadap penilaian negatif yang tinggi dalam kalangan pelajar dan berbeza hasilnya berbanding kajian-kajian sebelum ini, keadaan ini dilihat sebagai situasi yang normal berdasarkan kondisi subjek kajian yang masih menyesuaikan diri dengan persekitaran serta individu-individu baharu apabila menjejak ke tahun awal pengajian. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa kadar tersebut berkemungkinan menuntut beberapa tempoh tertentu untuk mencapai peringkat yang lebih stabil selari dengan bertambahnya pengalaman mereka dalam kehidupan di universiti.

Objektif 2: Tahap Kebimbangan Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi

Jadual 3: Analisis tahap kebimbangan komunikasi

Item	Dimensi	M	SP	Tahap
D1	Perbincangan Kumpulan (<i>Group Discussion</i>)	2.49	0.74	Rendah
D2				
D3				
D4				
D5				
D6				
D7	Mesyuarat (<i>Meeting</i>)	3.12	0.78	Sederhana
D8				
D9				
D10				
D11				
D12				
D13	Komunikasi Berdua (<i>Interpersonal Communication</i>)	2.91	0.82	Sederhana
D14				
D15				
D16				
D17				
D18				
D19	Pengucapan Awam (<i>Public Speaking</i>)	3.35	0.84	Sederhana
D20				
D21				
D22				
D23				
D24				
Keseluruhan Instrumen Kebimbangan Komunikasi	Tiada	2.97	0.70	Sederhana

Analisis deskriptif yang telah dijalankan mengikut Jadual 3 mempamerkan kadar kebimbangan komunikasi keseluruhan yang sederhana ($M = 2.97$; $SP = 0.70$) dalam kalangan pelajar, pada masa yang sama menjadi petunjuk bahawa mereka tidak mengalami permasalahan interaksi yang serius. Dimensi Perbincangan Kumpulan pula menunjukkan satu-satunya faktor dengan kadar yang rendah ($M = 2.95$; $SP = 0.63$) dengan gambaran bahawa mereka tidak memiliki masalah kebimbangan yang signifikan jika perlu berkomunikasi dengan individu lain dalam gerak kerja berkumpulan. Namun begitu, analisis konstruk lain dalam instrumen ini mencatatkan kadar sederhana, iaitu Mesyuarat, $M = 3.12$; $SP = 0.78$, Komunikasi Berdua, $M = 2.91$; $SP = 0.82$ dan Pengucapan Awam, $M = 3.35$; $SP = 0.84$. Ini menandakan bahawa ketakutan komunikasi bagi pelajar Institut Pengajian Tinggi dalam konteks-konteks berikut masih terkawal serta belum mencapai tahap membimbangkan.

Hasil kajian ini menjelaskan tahap kebimbangan mereka adalah sederhana, konsisten dengan penemuan yang diperoleh Nik Hasnaa (2010) menunjukkan bahawa tahap ini mencerminkan ketidakstabilan aspek tersebut dalam diri pelajar apabila kebimbangan komunikasi berlaku pada konteks atau situasi tertentu, tetapi tidak bagi konteks lain. Beliau juga menyatakan keadaan ini sukar diramal sehingga berkemungkinan menyukarkan usaha untuk mengatasi isu tersebut secara spesifik, berbanding dengan pelajar yang menunjukkan tahap rendah atau tinggi dalam kebimbangan komunikasi. Hal ini disokong oleh Petry (2012) dalam kajiannya dengan menambah bahawa kebimbangan komunikasi pada kadar yang sederhana menyebabkan seseorang pelajar mengalami ketakutan dan kerisauan terutamanya untuk melakukan pengucapan awam, tambahan pula jika wujud faktor-faktor persekitaran yang menggalakkan kebimbangan tersebut.

Samira Hassani dan Azizah Rajab (2012) pula menghuraikan, kadar kebimbangan komunikasi pelajar yang sederhana membuktikan mereka tidak mengalami permasalahan yang serius dalam berinteraksi. Selain itu, bertepatan dengan kajian ini yang menunjukkan bahawa pelajar terutamanya yang berada pada tahun awal pengajian menampilkan kebimbangan komunikasi yang rendah pada dimensi perbincangan kumpulan, Sirinadda (2016) turut menjelaskan dapatan kajian serupa walaupun kadar kebimbangan komunikasi secara keseluruhan adalah sederhana. Beliau mencadangkan bahawa keselesaan untuk berbahasa dalam kelompok yang kecil merupakan faktor utama pelajar mencatatkan kebimbangan yang rendah dalam konteks tersebut. Dengan demikian, dapat dirumuskan bahawa pada tahap ini, mereka masih berupaya untuk mengurangkan kebimbangan komunikasi yang dialami dengan mengenalpasti faktor-faktor utama yang membawa kepada isu tersebut seterusnya melaksanakan rawatan yang bersesuaian.

Objektif 3: Hubungan antara Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif dengan Kebimbangan Komunikasi

Jadual 4: Analisis Hubungan Antara Ketakutan Terhadap Penilaian Negatif Dengan Kebimbangan Komunikasi dan Dimensi Kebimbangan Komunikasi

Ketakutan terhadap Penilaian Negatif/ dimensi kebimbangan komunikasi	Nilai sig
Perbincangan Kumpulan (<i>Group Discussion</i>)	0.00**
Mesyuarat (<i>Meeting</i>)	0.00**
Komunikasi Berdua (<i>Interpersonal Communication</i>)	0.00**
Pengucapan Awam (<i>Public Speaking</i>)	0.00**
Keseluruhan Instrumen Kebimbangan Komunikasi	0.00**

Nota : **p < 0.05

Dapatan Ujian Korelasi Pearson yang direkod dalam Jadual 1.6 di bawah menunjukkan bahawa ketakutan terhadap penilaian negatif mempunyai korelasi dengan kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar ($r = 0.37$; $p < 0.05$) secara keseluruhan. Hal ini bertepatan dengan kaitan antara setiap dimensi kebimbangan komunikasi iaitu perbincangan kumpulan, mesyuarat, komunikasi berdua dan pengucapan awam dengan ketakutan terhadap penilaian negatif yang turut menghasilkan nilai hubungan signifikan yang agak tinggi serta setara. Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi ketakutan pelajar Institut Pengajian Tinggi terhadap penilaian negatif, semakin tinggi kebimbangan komunikasi yang dialami.

Dapatan ini disokong oleh kajian Kho dan Leong (2015) yang merumuskan bahawa ketakutan terhadap penilaian negatif menyebabkan pelajar merasa takut melakukan sebarang kesilapan kerana risau akan menerima kritikan daripada individu lain sewaktu berinteraksi seterusnya membuatkan mereka mengambil langkah untuk mengelak daripada berkomunikasi. Hal ini kerana, mereka sering beranggapan apa sahaja yang dikeluarkan dari mulut mereka bakal dihakimi, malah diketawakan oleh individu lain memandangkan mereka terlalu memikirkan pandangan sesiapa sahaja yang berada di sekitar mereka. Turut selari dengan hasil kajian Samira Hassani dan Azizah Rajab (2012), ketakutan terhadap penilaian negatif dilihat amat berkait rapat dengan situasi sosial dalam menimbulkan kebimbangan komunikasi kerana sebagai mahasiswa, emosi serta cara pandang individu terhadap diri sendiri amat bergantung pada persepsi rakan-rakan mereka.

Molnar (2018) pula dengan dapatan yang konsisten menjelaskan bahawa penilaian merupakan penyebab utama berbanding faktor-faktor lain yang menjurus kepada kebimbangan komunikasi pelajar, sama ada penilaian sendiri mahupun penilaian individu lain yang kedua-duanya bersifat negatif. Maka, keadaan ini seterusnya menyebabkan para pelajar mengelak daripada sebarang keadaan bersifat evaluasi, atau terpaksa berkomunikasi dengan tahap kebimbangan yang tinggi. Selain itu, ketakutan terhadap penilaian negatif juga agak berkait rapat dengan sifat mengharapkan kesempurnaan (*perfectionism*) dalam diri pelajar apabila mereka dihantui pemikiran bahawa individu lain tidak akan menyukai topik yang mereka bicarakan, tidak dapat menyusun idea atau kata-kata dengan baik, serta tidak memberikan hasil mengikut jangkaan walaupun hakikatnya mereka telah membuat persediaan yang cukup seterusnya mengakibatkan kebimbangan komunikasi lantaran perasaan kurang yakin dan rendah diri (Munz & Colvin, 2018). Dengan itu, dapat disimpulkan bahawa tahap ketakutan terhadap penilaian negatif yang agak tinggi dalam kalangan pelajar daripada hasil kajian ini secara langsung menyumbang kepada kebimbangan komunikasi mereka.

RUJUKAN

- Akkakoson, S. (2016). Speaking anxiety in english conversation classrooms among Thai students. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 13, 63-82.
- Carleton, R. N., Collimore, K. C., McCabe, R. E., & Antony, M. M. (2011). Addressing revisions to the Brief Fear of Negative Evaluation scale: Measuring fear of negative evaluation across anxiety and mood disorders. *Journal of Anxiety Disorders*, 25, 822-828.
- Ernesto I. Bastida Jr. & Jerry R. Yapo. (2019). Factors contributing to oral communication apprehension among selected senior high school students in Santa.

- Fuziah Kartini Hasan Basri. (1995). *Kebimbangan komunikasi: Kajian penerokaan dikalangan pelajar UKM*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Komunikasi, UKM.
- Khoirul Muslimin. (2013). Faktor-faktor yang mempengaruhi kecemasan komunikasi di depan umum. *Jurnal Interaksi*, 2(2), 42-52.
- Kho, M.G.W. & Leong, L.M. (2015). Causes of academic oral presentation difficulties faced by students at a polytechnic in Sarawak. *The English Teacher*, 44(3), 132-142.
- Lelit A. Repaja, Jay P. Miranda, Krimar Balansag, Jerald C. Moneva. (2018). Intimidating factors on communication apprehension on Grade 7 students. *International Journal of Science and Research (IJSR)* 12(7). 165-173.
- Molnar, D. (2018). Exploring foreign language communication apprehension among the english language university students in the english language classroom setting. *European Journal of Social Science Education and Research*, 2(5), 27-39.
- Munz, S. M & Colvin, J. (2018). Communication apprehension: Understanding communication skills and cultural identity in the basic communication course. *Basic Communication Course Annual*, 10(30), 171-199.
- Nik Hasnaa Nik Mahmood. (2010). *Kebimbangan komunikasi di kalangan pelajar UTM: Satu realiti atau mitos?* Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuraqilah Nadjwa Miskam & Aminabibi Saidalvi. (2019). Investigating english language speaking anxiety among Malaysian undergraduate learners. *Asian Social Science*, 15(1), 1-7.
- Petry, A. C. (2016). Communication apprehension affects performance. Advance online publication <http://collected.jcu.edu/mastersessays/49>.
- Rosa City, Laguna, Philippines. *Asia Pacific Institute of Advanced Research (APIAR) APJCECT*, 2(5), 10-20.
- Rodebaugh, T. L., Woods, C. M., Thissen, D. M., Heimberg, R. G., Chambless, D. L., & Rapee, R. M. (2004). More information from fewer questions: The factor structure and item properties of the original and Brief Fear of Negative Evaluation scale. *Psychological Assessment*, 16, 169-181.
- Samira Hassani & Azizah Rajab. (2012). General communication anxiety among EFL students; a case of Iranian students of intensive english programs. *Procedia – Social and Behavioral Sciences*, 66, 410-418
- Sirinadda Kaweewattana. (2016). *Communication apprehension among business students in Thailand*. Bangkok: Thammasat University.
- Stewart, F., & Tassie, K., (2011). Changing the at mos 'fear' in the public speaking classroom, 1, (7). 9.
- Yixin Chen. (2019). How does communication anxiety influence well-being? Examining the mediating roles of Preference for Online Social Interaction (POSI) and loneliness. *International Journal of Communication*, 13, 4795-4813.